

13 APR 1999

Abdullah-Kepimpinan

MALAYSIA MENGHARGAI KEPIMPINAN BERTANGGUNGJAWAB

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata rakyat Malaysia pada keseluruhannya bersikap pragmatik, mencintai keamanan dan menghargai kepimpinan yang bertanggungjawab.

Mereka juga boleh membezakan antara pemimpin yang popular untuk jangka pendek dengan pemimpin yang sudah terbukti kebolehannya, kata beliau.

Katanya kepimpinan yang bertanggungjawab bukanlah yang diberikan oleh mereka yang melaungkan slogan kosong atau yang memesongkan penyokongnya.

"Kepimpinan yang bertanggungjawab memerlukan sifat sebagai negarawan, keberanian dan kebijaksanaan, yang apabila melakukan sesuatu tindakan, tindakan itu mestilah yang betul, bukan yang popular semata-mata," kata beliau ketika melancarkan CD-ROM multimedia interaktif "Mahathir: CEO Malaysia Inc." di sini.

Abdullah berkata beliau mempunyai keyakinan kuat bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah menjadi pemangkin utama bagi perubahan Malaysia, akan membawa negara ke arah masa depan yang baru dan lebih baik.

Beliau berkata dalam tempoh 18 tahun yang lepas Dr Mahathir telah membawa perubahan kepada Malaysia daripada segi sosial, ekonomi, fizikal dan politik.

"Saya yakin Dr Mahathir mampu terus membantu kita untuk menguruskan perubahan negara bagi fasa yang akan datang ketika kita memasuki alaf baru," kata beliau.

Abdullah berkata pentadbiran dalam sebuah negara berbilang bangsa dan berbilang agama bukanlah sesuatu yang mudah, lebih-lebih lagi dalam masa kesukaran.

"Kita perlu memastikan bahawa kita tidak merosakkan jalinan sosial masyarakat kita dan asas yang kukuh yang telah diletakkan dengan susah-payah oleh para pemimpin kita daripada semua komuniti.

"Malahan, adalah menjadi satu cabaran besar kepada kita, pemimpin hari ini untuk memastikan yang kita meninggalkan kepada pengganti kita sebuah negara Malaysia yang sama aman dan stabilnya tetapi maju dan dinamik," katanya.

Abdullah berkata selepas mengalami pertumbuhan yang mengagumkan selama lebih lapan tahun, tidak ada siapa yang pernah membayangkan masalah seperti yang dihadapi negara sekarang.

Namun, kata beliau, Dr Mahathir tetap berazam untuk melihat Malaysia bangkit kembali, sambil dengan penuh tekad berusaha memulihkan semula ekonomi negara.

Abdullah berkata sejak dilantik menjadi Perdana Menteri pada 1981, Dr Mahathir telah mengubah Malaysia daripada negara berasaskan komoditi yang tidak begitu dikenali kepada negara sedang menuju taraf perindustrian yang dihormati.

Katanya sebelum krisis mata wang Asia melanda negara dua tahun lepas, Dr Mahathir telah membawa peningkatan purata pendapatan tahunan Malaysia daripada US\$300 seorang kepada US\$5,000 -- satu pencapaian yang tidak banyak pemimpin dapat menyainginya.

Abdullah berkata sebagai menggantikan sikap kewaspadaan konservatif, Dr Mahathir telah merumuskan kepercayaan yang menggabungkan hakikat ekonomi tulen dengan kepintaran seorang ahli perniagaan dan ketajaman telahan masa depan untuk merangsang atau membimbangkan pengikutnya.

"Bagi saya beliau adalah segala-galanya... Dr Mahathir merupakan ahli pembaharuan perniagaan zaman moden yang tulen. Sebagai pelopor konsep Wawasan 2020 dan Koridor Raya Multimedia beliau boleh disifatkan sebagai Bapa Wawasan," katanya.

CD-ROM itu merupakan huraian yang berterus-terang, unik dan menyeluruh tentang kepimpinan Dr Mahathir. Ia juga membincangkan kemajuan negara melalui kepimpinan strategik dengan memfokus kepada Perdana Menteri. CD-ROM itu juga mengandungi lebih 35 ucapan Perdana Menteri dan pandangan daripada ahli politik, rakyat dan pemimpin industri.

Ia juga memaparkan temuramah eksklusif selama sejam dengan Dr Mahathir dan beliau bercakap antara lain mengenai hasrat Bangsa Malaysia, kepimpinan abad baru, arena politik Malaysia dan rancangan pemulihan ekonomi Malaysia.

Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), penerbit CD-ROM itu, menyumbangkan 50 unit kepada Kementerian Luar dan Kementerian Pendidikan, Produk buatan Malaysia itu dijual dengan harga RM60.

-- BERNAMA

MAM NMO